

20/06/2004

Pemimpin Umno harus sedia 'mendengar'

By Johan Jaaffar

SEORANG tokoh veteran Umno yang saya temui mempunyai banyak pandangan menarik mengenai parti kesayangannya. Beliau menyatakan rasa syukur dan gembira kerana perjuangan beliau dan teman-temannya telah membuahkan kejayaan. Malaysia mencapai banyak kejayaan kerana pendekatan Umno yang terbuka, toleran dan sedia bekerjasama.

Lebih penting lagi, tokoh ini berpendapat bahawa hasil dasar-dasar Umno dan kerajaan, orang Melayu kini boleh berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan bangsa-bangsa lain. Beliau bangga anak-anak Melayu kini menjadi usahawan, ahli perniagaan dan pedagang yang berjaya. Beliau gembira anak-anak Melayu hari ini telah menjadi ahli profesional dengan banyaknya - sesuatu yang tidak mungkin dibayangkan pada tahun-tahun 50-an, 60-an malah 70-an.

Beliau bangga kejayaan ekonomi negara telah meningkatkan kemampuan ekonomi orang Melayu. Hari ini banyak orang Melayu menikmati kemewahan yang tidak pernah dibayangkan oleh pemimpin Umno pada zamannya. Siapakah yang percaya bahawa anak-anak Melayu hari ini bukan sahaja mempunyai saham di syarikat-syarikat di Bursa Malaysia tetapi banyak syarikat yang tersenarai di bursa itu yang dimiliki dan dipimpin oleh anak-anak Melayu?

Cuma harapan beliau, Umno jangan hilang arah. Meminjam cebisan sajak bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, perjuangan Umno masih "belum selesai." Maka itu tokoh veteran ini mengharapkan bahawa pemimpin muda Umno harus jangan melupakan bara idealisme yang sebenarnya menjadikan Umno teguh dan sentiasa relevan. Umno akan hilang upayanya mewakili kepentingan bangsa Melayu kalau pemimpinnya tidak menghayati perjuangan Umno yang sebenar.

Perjuangan Umno, menurut tokoh veteran ini lagi, bukan diukur daripada pencapaian peribadi mana-mana individu dalam Umno sahaja. Kita tidak boleh berbangga dengan hanya sekumpulan kecil orang Melayu yang berjaya dalam pelbagai lapangan. Orang Melayu yang lain mungkin tidak dapat mencapai kedudukan sejumlah orang Melayu yang cemerlang tetapi mereka juga harus diberi peluang meningkatkan diri dan mengangkat kedudukan dari sebelumnya. Kalau bukan mereka, anak-anak mereka.

Umno bukan milik kelompok elitis dan kejayaan Umno tidak seharusnya dinikmati hanya oleh lapisan teratas bangsa Melayu. Perjuangan Umno ialah untuk orang Melayu seluruhnya. Tentulah mustahil untuk menjadikan semua orang berjaya dengan gemilang tetapi Umno harus memastikan bahawa usaha meningkat kedudukan orang Melayu dalam segala lapangan tidak berakhir.

Tokoh ini mengingatkan saya tentang "hati budi" bangsa Melayu. Orang Melayu tajam pandangannya, luas firasatnya, dan dalam pengamatannya. Jangan pandang rendah ahli-ahli Umno yang tidak berpelajaran tinggi, orang kampung dan orang-orang tua. Mereka mungkin tidak faham kompleksiti isu yang baru dan terkini dalam dunia global dan tanpa sempadan ini, tetapi jangan perkecil kebijaksanaan mereka. Mana-mana parti orang Melayu yang mengambil mudah golongan ini akan berdepan dengan masalah.

Lebih penting lagi, kata tokoh ini, tradisi demokrasi dalam Umno harus dipertahankan. Umno bermula sebagai parti demokratik dan menjadi kuat kerana menunjang demokrasi. Maka itu amalan demokrasi dalam parti tidak akan melumpuhkannya. Beliau merasakan amalan demokratik terbaik bagi mana-mana parti ialah kesediaan orang bawah ditunjuk jalan dan arah sedang orang di atas sedia ditegur.

Maka itu tokoh ini berpendapat, pemimpin Umno harus bersedia

"mendengar." Ini budaya dan amalan yang semakin berkurang di kalangan banyak pemimpin. Malah ada pemimpin yang mulai merasakan bahawa "berita buruk" atau teguran hanya "distraction" dan tidak lebih dari itu. Pemimpin mulai enggan mendengar suara terbanyak, suara jujur dan kritikal dari rakyat.

Perdana Menteri yang juga Pemangku Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah membunyikan siren amaran pada pemimpin parti dan wakil-wakil rakyat. Mereka tidak lebih "hamba rakyat." Maksudnya mereka berkhidmat untuk rakyat. Bukan meletakkan diri mereka untuk disanjung dan dimuliakan.

Pemimpin muda dalam Umno tentu sudah tahu sejarah yang mencorakkan Umno sejak 58 tahun wujudnya. Umno bukan sepanjang masa kuat. Ada kalanya Umno berdepan dengan krisis. Tetapi krisis terbesar Umno bukan kerana konflik dalamannya tetapi apabila orang Melayu yang seharusnya diwakilinya mulai menolaknya.

Ini berlaku secara dramatik pada Pilihan Raya Umum 1999. Kita tahu apa yang berlaku pada pilihan raya itu. Orang Melayu rata-rata menolak Umno. Bagi calon Umno untuk menang, mereka harus bergantung pada undi bukan Melayu. Di banyak kawasan majoriti Melayu, undi orang Melayu merosot teruk bagi calon Umno.

MCA sudah mengalami musibah yang sama pada tahun-tahun 80-an. Ketika itu MCA dilihat oleh rata-rata orang Cina sebagai "parti tauke" - bukan parti yang mewakili kepentingan orang Cina. Maka itu orang Cina berbondong-bondong meninggalkan MCA. Mereka lalu menyokong DAP. MCA harus "mencipta semula" dirinya. MCA harus mendapat sokongan kalangan pendidik Cina, kumpulan kebudayaan dan pemimpin yang dianggap bukan sekadar mewakili kalangan "tauke."

Persepsi bahawa Umno akan menjadi parti elit, parti orang berada dan parti tauke tidak boleh dipandang ringan. Orang Melayu akan mudah berpaling mencari "kekuatan dalaman" apabila berdepan dengan kebuntuan. Mereka mencari alternatif lain. Dan pilihannya ialah parti yang membawa label agama. Saya tidak percaya bahawa sebahagian besar orang Melayu yang mengundi Pas atau Parti Keadilan pada tahun 1999 melakukannya kerana prinsip atau percaya pada perjuangan kedua-dua parti itu. Mereka berbuat demikian sebagai tanda protes.

Akibatnya Umno mengalami kekalahan yang teruk, terutama di kawasan orang Melayu. Umno hanya memperoleh 72 kerusi Parlimen daripada 148 yang diperoleh oleh Barisan Nasional. Orang mulai menanyakan legitimacy Umno mendakwa dirinya parti orang Melayu kerana UMNO kalah di kawasan Malay heartlands. Tetapi Pilihan Raya 2004, telah menebus "kekalahan" UMNO pada tahun 1999 itu. Prestasi Umno jauh lebih baik dengan memperoleh 108 kerusi Parlimen dari 117 dan 300 kerusi Dewan Undangan Negeri dari 337 yang ditandinginya. Soalnya, apakah orang Melayu benar-benar "sudah kembali" itu soal yang lain. Ada yang berpendapat, mood semasa dan peribadi Perdana Menteri menyebabkan orang Melayu sedia berubah selera. Maka itu apa yang berlaku lima tahun dari sekarang bergantung pada bagaimana pemimpin dan wakil-wakil Umno melayan rakyat dan pengundi Melayu.

Inilah cabaran terpenting bagi Umno hari ini. Umno tidak boleh alpa dalam soal ini. Berdiri di barisan depan tentulah ahli-ahli Parlimen dan ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. Selebihnya ialah pemimpin pada peringkat bahagian, cawangan dan pimpinan setempat.

Umno akan melalui proses pemilihan tahun ini. Siapapun yang menawarkan diri mereka untuk bertanding harus ingat, bahawa rakyat "di luar" sana sedang memerhatikan. Proses demokrasi harus berjalan dengan betul kerana Umno tidak boleh menjadi ketam yang menyuruh anaknya berjalan betul. Pemimpin Umno juga harus sedar bahawa masa depan UMNO terletak di tangan mereka. Maka itu sebarang persepsi bahawa pemilihan pucuk pimpinan pada

pelbagai peringkat "tidak bersih" akan hanya menjejaskan nama baik Umno. Pada waktu yang sama, mereka yang menawarkan diri harus sedar "agenda Melayu" masih penting bagi Umno. Umno masih parti orang Melayu. Maka itu relevan tidaknya Umno hari ini bergantung pada sejauh mana parti itu dianggap relevan oleh bangsa Melayu.

Nasihat tokoh veteran Umno itu jelas, "Umno yang tidak bersih, tidak relevan dan tidak bertunjangkan aspirasi orang Melayu tidak ada maknanya pada orang Melayu." Mudah-mudahan pandangan ini akan menjadi azimat semua pemimpin dan ahli Umno dalam menghadapi pemilihan parti tahun ini.

\* Penulis pernah menjadi Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu (M) Bhd.

(END)